

DATE: 10/3/2008

# Azizan MB baru Kedah

um-10/3/2008

Oleh SHARIZA ABDULLAH

**ALOR STAR** 9 Mac - Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak hari ini mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah yang kesembilan selepas partinya menang besar dalam Pilihan Raya Umum ke-12, semalam.

Istiadat melafaz surat pengisytiharan pelantikan Menteri Besar dan upacara mengangkat sumpah menerima jawatan berlangsung di hadapan Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Wisma Darul Aman tepat pada pukul 3.15 petang ini.

Sultan Kedah kemudian berkenan mengurniakan tauliah pelantikan jawatan Menteri Besar kepada Azizan, 64, bagi menggantikan Datuk Seri Mahdzhir Khalid yang terpaksa melepaskan jawatan yang disandang beliau sejak 28 Disember 2005 selepas Barisan Nasional (BN) tewas di negeri ini.

Turut berangkat menyaksikan istiadat itu ialah Raja Muda Kedah. Dua bekas Menteri Besar Kedah iaitu Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Mahdzir serta wakil-wakil rakyat turut hadir menyaksikan upacara berkenaan.

Upacara pelantikan Menteri Besar dimulakan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdul-

lah menghadap sultan dan melafaz surat pengisytiharan pelantikan.

Ia diikuti majlis angkat sumpah serta menandatangani surat sumpah dengan disaksikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Alor Star, Datuk Zainal Azam Abdul Ghani dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Datuk Sheikh Uzair Baharom.

Pada pilihan raya umum semalam, pembangkang memperoleh 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan Pas menang 16 kerusi, Parti Keadilan Rakyat (PKR) empat kerusi manakala DAP satu kerusi, sekali gus mendapat majoriti mudah bagi membolehkannya memerintah negeri ini. Satu kerusi pula dimenangi Bebas.

Azizan berkelulusan Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar dan Undang-Undang dari Universiti of Kent, United Kingdom.

Beliau merupakan bekas Ketua Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selain pernah menjadi pensyarah pelawat Mindanao State University, Filipina sejak 1984 sehingga 1986 dan pensyarah sambilan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari tahun 1983 dan 1984 serta 1986 hingga 1995.

Azizan pada pilihan raya umum kali ini mengalahkan calon BN, Basorri Abu Hassan di kerusi DUN Sungai Limau dengan majoriti 3,212 undi.

Beliau mempunyai 14 anak hasil perkongsian hidup dengan dua isterinya.



**SULTAN** Kedah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada Azizan Abdul Razak sebagai Menteri Besar Kedah yang baru di Wisma Darul Aman, Alor Star, semalam.